

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Penambahbaikan Terhadap Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran

[Surat Pekeliling MQA Bil. 5/2026 bertarikh 27 Februari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (*Standards: Masters and Doctoral Degree - SMDD*) yang telah dikuat kuasakan melalui Pekeliling MQA Bil. 1/2013 bertarikh 4 Mac 2013 telah menjalani empat kali pindaan menerusi Pekeliling MQA Bil. 4/2013 (8 November 2013); Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2013 (19 Disember 2013); Surat Pekeliling MQA Bil. 1/2015 (11 Mac 2015); dan Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2019 (17 Julai 2019).
- ii. Pada 14 Januari 2026, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi MQA Bil. 1/2026 telah meluluskan *Advisory Note*: Kelayakan Keluar Fleksibel (*Flexible Exit Qualification*) bagi Program Doktor Falsafah (Tahap 8, MQF) bertujuan menambah baik ketetapan sedia ada di dalam SMDD berhubung graduan Sarjana Muda cemerlang yang melanjutkan pengajian terus ke tahap Kedoktoran (secara penyelidikan). Mesyuarat telah bersetuju menetapkan calon yang tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran masih boleh dianugerahkan kelayakan Sarjana, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- iii. Selaras dengan keputusan tersebut, pelaksanaan dan pematuhan terhadap pindaan tersebut berkuat kuasa mulai pengambilan **kohort pelajar baharu pada 3 Mac 2026** manakala ketetapan Perkara 4 (ii) yang menyatakan pelajar tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana sebagai *exit award* sekiranya tidak memenuhi pencapaian pada tahap Kedoktoran dalam Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2019 adalah terbatal.
- iv. Surat pekeliling ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Fakulti Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) dimohon mengambil maklum ketetapan terkini MQA berkaitan pelaksanaan Kelayakan Keluar Fleksibel bagi semua program mod penyelidikan di peringkat Doktor Falsafah (Tahap 8 MQF).

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
26 Mac 2026